



Anwar selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Raja Tun Uda Seksyen 16 Shah Alam, semalam.

(Foto Eizairi shamsudin/BH)

# 90 peratus tidak terkesan penyasaran subsidi RON95

Anwar yakin  
ramai rakyat  
tak terjejas  
rasionalisasi  
minyak petrol

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Jumlah rakyat, terutama pengguna kenderaan yang tidak terkesan dengan penyasaran subsidi RON95 meningkat kepada 90 peratus berbanding

85 peratus sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata rakyat tidak perlu khuatir dengan keputusan kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan bakar itu.

“Mekanisme secara terperinci kita buat. Tapi saya tak terfikir rakyat biasa (perlu) runsing sebab 85 peratus, 90 peratus tak terkesan apa pun kaedah yang akan diperkenalkan dalam isu rasionalisasi (subsidi) minyak RON95.

“Malah kita kaji, bukan 85 peratus, tapi 90 peratus (penyasaran) tak dikenakan kepada rakyat. Yang dikenakan siapa? orang asing dan yang maha kaya.

Kalau gaji dan pendapatan dia RM50,000 sebulan, bayarlah sikit (tanpa subsidi),” katanya.

Beliau berkata demikian ditemui media selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Raja Tun Uda di sini, semalam.

## Golongan tak terkesan

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kerajaan sudah mengenal pasti golongan yang tidak terbabit dengan penyasaran subsidi RON95, sama seperti yang dilaksanakan ke atas penyasaran elektrik sebelum ini.

“Saya ingat yang (berdiri) depan (saya) ini, wartawan semua ini tidak terkesan. Melainkan ada wang gelap masuk, itu saya

tak tahu,” katanya.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kelmarin berkata, kerajaan akan mengumumkan mekanisme lengkap bagi melaksanakan penyasaran subsidi minyak petrol RON95 kepada rakyat selepas separuh pertama tahun ini dengan menggunakan sistem pengenalan diri MyKad dan mekanisme dua kadar harga.

Amir juga berkata, penggunaan MyKad sebagai sistem agihan subsidi RON95 selepas mengambil kira agihan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), di mana 700,000 penerima sebelum ini akan diperluas kepada 5.4 juta penerima MyKad bermula 1 April ini.